

**SOALAN NO.31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DATUK NOOR  
EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID  
[ KOTA TINGGI ]

**TARIKH :** 29 MAC 2018

**SOALAN :**

**YB Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Suruhanjaya Pilihan Raya  
hendak mewartakan persempadanan semula kawasan pilihan raya  
memandangkan sudah lama tidak dibuat.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Rakyat telah meluluskan usul berkaitan dengan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu 2018 dalam sidangnya pada 28 Mac 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pewartaan sempadan baharu bahagian-bahagian pilihan raya akan dilaksanakan setelah Perintah Persempadanan diperkenan oleh Yang Di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.

No. 2018/10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]**

**TARIKH :** **29 MAC 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN :** **32**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci komponen-komponen yang akan dilaksanakan dalam projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Bilakah projek akan mula dijalankan dan bilakah ia dijangka akan tamat dan jumlah kos projek ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang dalam proses melantik juru perunding. Dalam hubungan ini, komponen-komponen yang terlibat, jadual terperinci dan anggaran kos bagi pelaksanaan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) akan hanya diketahui selepas juru perunding selesai menjalankan penilaian terperinci.